



**SURAT PEKELILING PENGURUSAN AKADEMIK
BILANGAN 6 TAHUN 2018**

**ANUGERAH KECEMERLANGAN PELAJAR
SEMPENA KONVOKESYEN UPSI
(PINDAAN TERKINI)**

Bahagian Hal Ehwal Akademik
10 April 2018

Disalinkan kepada:

Naib Canselor
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
Pendaftar
Pegawai-Pegawai Kanan

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

10 April 2018

SURAT PEKELILING PENGURUSAN AKADEMIK
BILANGAN 6 TAHUN 2018

ANUGERAH KECEMERLANGAN PELAJAR
SEMPENA KONVOKESYEN UPSI

(PINDAAN TERKINI)

1.0 TUJUAN

Surat Pekeliling Pengurusan Akademik ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua kakitangan dan pelajar Universiti Pendidikan Sultan Idris mengenai keputusan pihak Universiti atas kelulusan Senat Kali Ke-165 Bilangan 4/2018 yang bersidang pada 10 April 2018 telah bersetuju dengan pindaan Anugerah Kecemerlangan Pelajar UPSI.

2.0 LATAR BELAKANG

2.1 Anugerah Kecemerlangan Pelajar sempena Konvokesyen UPSI telah bermula sejak Istiadat Konvokesyen UPSI pertama pada 4 Disember 1999.

2.2 Anugerah Kecemerlangan Pelajar yang dianugerahkan pada masa ini iaitu:

- 2.2.1 Anugerah Pelajaran Diraja
- 2.2.2 Pingat Emas Canselor
- 2.2.3 Pingat Emas Lembaga Pengarah Universiti
- 2.2.4 Pingat Emas Naib Canselor
- 2.2.5 Hadiah Buku Fakulti.

2.3 Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kewangan Bilangan 2/1999 pada 25 Ogos 1999 telah meluluskan dua kategori pingat kecemerlangan dengan jumlah penerima dan nilai seperti berikut:

Bil	Nama Anugerah	Nilai Pingat (RM)	Jumlah Penerima
1.	Pingat Emas Canselor	3,000.00	1
2.	Pingat Emas Naib Canselor	1,000.00	8

- 2.4 Mesyuarat Jawatankuasa Hadiah Kali Ke-5 Bilangan 1/2001 pada 26 Jun 2001 dan diperakukan dalam Mesyuarat Senat Kali Ke-22 Bilangan 3/2001 pada 2 Julai 2001 telah mengkaji semula nilai pingat tersebut dengan menambah hadiah berbentuk wang tunai dan sijil kecemerlangan. Mesyuarat Senat Kali Ke-70 Bilangan 3/2009 pada 19 Mei 2009 memperakukan semakan semula terhadap jumlah hadiah wang tunai. Maklumat perubahan tersebut seperti berikut:

Bil	Nama Anugerah	Nilai Pingat (RM)	Jumlah Hadiah Wang Tunai (Semakan 2001) (RM)	Jumlah Hadiah Wang Tunai (Semakan 2009) (RM)	Jumlah Penerima
1.	Pingat Emas Canselor	800.00	Tunai 1,000.00 Sijil	Tunai 1,500.00 Sijil	1
2.	Pingat Emas Lembaga Pengarah Universiti	800.00	Tunai 700.00 Sijil	Tunai 1,000.00 Sijil	1
3.	Pingat Emas Naib Canselor	800.00	Tunai 500.00 Sijil	Tunai 1,000.00 Sijil	2

- 2.5 Mesyuarat Jawatankuasa Hadiah Kali Ke-32 Bilangan 1/2018 bertarikh 6 Mac 2018 memperakukan nilai pingat emas yang diberikan adalah dalam skala RM1,000.00 hingga RM1,500.00 setelah mempertimbangkan faktor kos semasa penyediaan pingat tersebut.
- 2.6 Mesyuarat tersebut turut memperakukan jumlah hadiah wang tunai bagi Anugerah Pingat Emas Lembaga Pengarah Universiti dari RM1,000.00 kepada RM1,200.00 bagi membezakan nilainya dengan Anugerah Pingat Emas Naib Canselor seperti jadual di bawah:

Bil	Nama Anugerah	Nilai Pingat (Semakan 2018) (RM)	Jumlah Hadiah Wang Tunai (Semakan 2008) (RM)	Jumlah Penerima
1.	Pingat Emas Canselor	1,000.00 ke 1,500.00	1,500.00 Sijil	1
2.	Pingat Emas Lembaga Pengarah Universiti		1,200.00 Sijil	1
3.	Pingat Emas Naib Canselor		1,000.00 Sijil	2

2.7 Mesyuarat tersebut juga memperakukan hadiah kecemerlangan kepada pelajar antarabangsa seperti diluluskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti Bilangan 17/2017 bertarikh 20 September 2017 dan Mesyuarat Senat Kali Ke-159 Bilangan 10/2017 bertarikh 17 Oktober 2017 dengan dana menggunakan Akaun Istiadat Konvokesyen UPSI. Hadiah Kecemerlangan Pelajar Antarabangsa seperti berikut:

Bil	Nama Anugerah	Jumlah Hadiah (RM)	Jumlah Penerima
	Anugerah Kecemerlangan Pelajar Antarabangsa		
1.	Kategori Ijazah Doktor Falsafah	1,000.00	1
2.	Kategori Ijazah Sarjana	1,000.00	1
3.	Kategori Ijazah Sarjana Muda	1,000.00	1
	Jumlah	3,000.00	3

3.0 KEPUTUSAN SENAT

3.1 Senat Universiti dengan kuasa yang diperuntukkan di bawah Perlembagaan Universiti bersetuju memperaku dan meluluskan keputusan seperti berikut:

3.1.1 meluluskan cadangan penetapan nilai Pingat Emas dalam skala RM1,000.00 ke RM1,500.00, jumlah hadiah wang tunai bagi Anugerah Pingat Emas Lembaga Pengarah Universiti sebanyak RM1,200.00 dan penetapan dana daripada Akaun Istiadat Konvokesyen UPSI untuk pembayaran hadiah kecemerlangan kepada pelajar-pelajar antarabangsa yang keseluruhannya berjumlah RM3,000.00 seperti yang dibentangkan.

4.0 TARIKH KUASA KUASA

Surat Pekeliling ini berkuatkuasa mulai 10 April 2018.

Sekian, terima kasih.

“KOMITED MEMBAWA PERUBAHAN DALAM PENDIDIKAN”

Yang benar,



(SUHAILA SIDEK)
Timbalan Pendaftar Kanan
Bahagian Hal Ehwal Akademik

